



Johari beramah mesra dengan penduduk ketika berkempen sempena PRU15 di sekitar Datuk Keramat, semalam. (Foto BERNAMA)

Khalid digesa perjelas isu tanah Kampung Baru

Calon BN persoal sama ada tawaran RM1,000 sekaki persegi sebagai pampasan dapat kelulusan Kabinet

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Calon Pakatan Harapan (PH) Parlimen Titiwangsa, Khalid Abdul Samad, digesa memperjelas sama ada tawaran RM1,000 sekaki persegi sebagai pampasan bagi pengambilalihan 230 ekar (69 hektar) tanah di Kampung Baru mendapat kelulusan Kabinet atau sebaliknya.

Gesaan itu dibuat Pengerusi Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berikutan keseluruhan pampasan pengambilalihan itu membabitkan peruntukan bernilai lebih RM10 bilion.

Beliau yang juga calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Titiwangsa, antara lain mempersoalkan pihak yang akan memper-



tukkan keseluruhan pampasan pengambilalihan tanah Kampung Baru itu.

“Adakah tawaran ini dibuat oleh kerajaan (pentadbiran PH) dan adakah ia diluluskan Jemaah Menteri ketika itu atau ia dibuat bersama pihak swasta? Jika bersama swasta, apakah nama syarikat terbabit?”

“Keseluruhan pampasan perlu diberi membabitkan dana bernilai lebih RM10 bilion. Saya ingin tahu pihak mana yang membuat tawaran sedemikian?” katanya kepada *BH* di sini, semalam.

Tawar RM1,000 sekaki

Pada 2019, Khalid yang juga Pengarah Komunikasi AMANAH, menawarkan pembelian tanah Kampung Baru dengan nilai RM1,000 sekaki persegi, bagi tujuan pembangunan semula.

Johari yang juga Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO memper-

soalkan kredibiliti tawaran itu, selain menjelaskan Khalid sehingga kini tidak pernah mendedahkan pihak yang akan menyediakan dana untuk membeli tanah Kampung Baru.

Beliau antara lain menyifatkan syarat ‘100 peratus pemilik tanah perlu bersetuju dengan tawaran RM1,000 sekaki persegi’ dikemukakan Khalid itu sebagai tidak munasabah.

“Pemimpin mesti bercakap benar. Mana mungkin syarat ini dipenuhi kerana setiap penduduk mempunyai nilai tanah mereka tersendiri bergantung kepada keunikan, saiz serta kedudukannya,” katanya.

Sementara itu, Johari menyifatkan Khalid tidak arif mengenai pengurusan pembangunan semula sesebuah bandar apabila mengetengahkan model mengikut pelan induk pembangunan.

“Kita sudah ada banyak pelan induk pembangunan ketika pentadbiran beliau tetapi tak dapat dilaksanakan kerana dia (Khalid) tak faham tiada pihak mampu membangunkan kawasan seluas 230 ekar dalam satu masa.

“Kampung Baru ini bukan kawasan hutan. Kalau ia kawasan hutan, betul dia boleh ada pelan induk pembangunan. Pembangunan bandar dengan pelan induk pembangunan adalah dua perkara berbeza,” katanya.